



UNIVERSITAS  
SUMATERA UTARA



INTERNATIONAL  
**SUMMER COURSE**  
ARCHITECTURE  
UNIVERSITAS SUMATERA UTARA



CITYSCAPE CRUSADERS  
ROMBONGAN PELAJAR  
UITM KE ISCA USU 2023



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Perak

# TRAVELOG

JELAJAH KOTA MEDAN, INDONESIA

THE INTERNATIONAL SUMMER COURSE ARCHITECTURE USU 2023

DR LIM SENG BOON  
NORADZSYIAH ADZHAR  
MUHAMMAD IKHWAN HAMZAH



Diterbitkan Oleh:  
Unit Penerbitan UiTM Cawangan Perak  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Perak

Alamat:  
Unit Penerbitan UiTM Perak,  
Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIMA)  
Universiti Teknologi MARA, Perak Branch,  
32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia

05-3742716  
uitmperakpress@gmail.com

© UiTM Perak Press, UiTM 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disalin, disimpan dalam mana-mana sistem perolehan semula, atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara; elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya; tanpa kebenaran bertulis daripada pengarah Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia      Cataloguing in Publication Data  
No. e ISBN: 978-967-2776-29-1

DR LIM SENG BOON  
NORADZSYIAH ADZHAR  
MUHAMMAD IKHWAN HAMZAH

Cover Design and Typesetting: Muhammad Ikhwan bin Hamzah

**BAB**  
**06**

**WISATA KOTA BERASTAGI**



**Hari ke-10**, yang juga hari terakhir kami di Kota Medan, diisi dengan pengalaman yang mengagumkan di di **Kota Berastagi, Kabupaten Karo, Deli Serdang, Indonesia**. Perjalanan kami dimulakan sejak **pukul 6 pagi**, menaiki bas yang telah disiapkan oleh pihak universiti untuk membawa kami ke destinasi yang penuh keterujaan ini. Kota Berastagi, kawasan yang menjadi tumpuan baik bagi para pelancong maupun penduduk setempat. Berastagi menawarkan keindahan yang mengingatkan kami kepada pesona **Cameron Highlands di Malaysia**.







Pemandangan Pegunungan Bukit Barisan yang membentang sepanjang 1.650 KM dari hujung utara (Aceh) sampai hujung selatan (Lampung) di Pulau Sumatera.





Gambar berkumpul antara pelajar Malaysia dan Indonesia ketika berhenti di sebuah kedai makan untuk sarapan pagi



Rakan-rakan Indonesia sedang menikmati sarapan pagi

## SARAPAN PERTAMA DI KOTA BERASTAGI

Sebelum meneruskan perjalanan ke Kota Berastagi yang **mengambil masa 2 jam**, kami berhenti di Penatapan, sebuah kawasan wisata yang memiliki banyak kedai makanan dan pilihan kami jatuh di **Café FC Barcelona** yang menerapkan konsep pasukan bola sepak dunia. Perjalanan ke Kota Berastagi menjadi sangat menarik dan bermakna apabila bukan hanya pelajar para Malaysia yang terlibat tetapi juga beberapa pelajar Indonesia seperti **Universitas Sumatera Utara dan Universitas Katolik Santo Thomas**. Sewaktu di kedai makan, kami telah **mencuba sebuah menu** yang tidak terdapat di Malaysia seperti mee sup segera.





Anis (kiri), Nora (tengah), Zureen (belakang) dan Dinda (kanan) bergambar bersama di kawasan Berastagi





Ketika berehat di Penatapan dalam perjalanan ke Pasar Buah Berastagi Kami mencuba jagung bakar manis. Kelihatan seperti sajian ringkas, bukan? Tetapi rasanya tidak seringkak yang dibayangkan! Tidak disangka sungguh enak rasanya. **Jagung Bakar** di sini bukan sekadar setongkol jagung bakar yang disalut mentega tapi yang menjadikannya istimewa ialah ia turut diselaputi dengan rempah ratus pedas sebagai penambah rasa. Rasanya juga tidak mengecewakan dan kami yakin bahawa kami tidak akan dapat merasa perasa yang seperti ini di tempat lain.

### **Jagung Bakar Manis**

Harga: IDR 10.000 (RM 3.00)



Ada juga pelbagai menu lain yang disediakan seperti **roti bakar, mie goreng, dan mie kuah** sebagai sarapan kami di sana. Tidak salah tempat perhentian kami untuk berhenti bersarapan pagi di Kota Berastagi ini, kerana hampir kesemua sajiannya benar-benar menambat jiwa.

### **Mie Kuah**

Harga: IDR 15.000 (RM 4.50)

### **Teh Susu Panas**

Harga: IDR 5.000 (RM 1.50)







Nora dan Hadif bergambar dengan Dr. Lim sebagai kenangan berlatar belakang bukit-bakau yang hijau



Farah (UiTM), Ayuni (UiTM), Uma (UTM), dan Alya (UTM) ketika menunggu makanan.



Ikhwani (UiTM) merasa gembira selepas menikmati air kopi panas



Gambar berkumpul antara pelajar Malaysia dan pelajar Indonesia ketika menunggu makanan






Chloe (USU) sedang menikmati Pop Mie Kari Ayam yang panas.



Alya (UTM) dan Ryan (USU) menikmati makanan bersama rakan lainnya di Cafe FC Barcelona.





*Sini liat-liat  
dulu dek!!*

*Cari apa  
dek?!*





**Detik-detik akhir** di Kota Berastagi menjadi penutup yang indah buat perjalanan kami di Sumatera Utara. Suasana yang sejuk dan segar memberikan daya tarikan tersendiri, kami juga tidak melewatkan peluang untuk membeli beberapa cenderamata sebagai kenang-kenangan yang akan kami bawa pulang ke tanah air tercinta. **Destinasi yang memikat ini**, dengan keindahan alam dan kehangatan interaksi bersama penduduknya, meninggalkan kesan mendalam dalam setiap langkah perjalanan kami di **Sumatera Utara**.



**Selepas sarapan bersama**, kami terus ke lokasi utama kami iaitu Pasar Buah Berastagi. Sebuah kawasan tanah tinggi yang menjadi salah satu tumpuan utama pelancongan. Terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan di sana, antaranya **aktiviti jual beli** dan aktiviti menunggang kuda. Setelah sampai, kami diberikan beberapa waktu untuk melakukan apa-apa saja di sekitar **Pasar Buah Berastagi** ini.



Keadaan semasa ketika berada di kedai penjualan cenderahati di Pasar Buah Berastagi.



A woman wearing a black hijab, a white cap, and glasses is smiling while riding a brown horse. She is wearing a black long-sleeved shirt and black pants. The horse is wearing a blue halter. The background shows a blurred outdoor setting with trees and a building.

## Tunggang Kuda

Harga: IDR 50.000 (RM 15.00)

Kelihatan Nora sangat gembira bersama Tania (kuda tunggangannya).

Sungguh pantas pergerakan salah seorang daripada kami, Nora yang tidak melepaskan peluang untuk **menunggang salah seekor kuda di situ**. Boleh dikatakan Nora menunggang kuda dan bersiar-siar di sekitar Pasar Buah Berastagi dalam keadaan hujan yang renyai dan tiupan angin yang lemah lembut serta bergambar bersama kuda yang **bernama Tania**. Ia menjadi satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Dalam pada masa yang sama, rakan-rakan yang lain memulakan aktiviti **membeli belah segala jenis buah tangan untuk dibawa pulang ke Malaysia**.





# Buah Tangan dari **KOTA** **BERASTAGI**





Salah satu buah tangan yang **menarik perhatian** adalah **baju-baju yang dijual** di sini yang membawa identiti Kota Berastagi itu sendiri. Terdapat juga barang-barang lain seperti rantai kunci, topi serta aksesori lain. Buah-buahan dan pokok-pokok bunga juga ada dijual di sini. Para penjual juga begitu ramah melayan telatah kami sepanjang disana. Ada juga **penjual yang fasih berbahasa Melayu** dan memberikan kami **potongan harga yang cukup lumayan**. Hampir semua daripada kami, membawa pulang satu plastik besar buah tangan dari Kota Berastagi ini.

Selesai selesai membeli, kami bergerak pulang menaiki bas dan memulakan perjalanan untuk ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kualanamu. Hampir tamat sudah pengembaraan ilmu kami di Kota Medan, Indonesia. Semua peserta dari Indonesia mengiringi perjalanan kami ke lapangan terbang untuk memberikan salam terakhir setelah 10 hari kami bersama. Apabila sampai saja di lapangan terbang, kami semua memungghah bagasi masing-masing untuk memasukkan barang-barangan yang dibeli di Kota Berastagi tadi. Perjalanan kami amat lancar, dari pagi hingga ke petang ketika berada di lapangan terbang.



Senyuman manis dari Dr. Lim  
ketika aktiviti membeli  
cenderahati di Kota Berastagi





Gambar berkumpul peserta dan ahli jawatankuasa program ISCA USU 2023 ketika lawatan ke ladang strawberi, Pancake Awan Berastagi



Gambar berkumpul antara pelajar Malaysia dan pelajar Indonesia



Barisan peserta dari UNIKA ketika berada di Kota Berastagi





Gambar berkumpul pelajar perempuan Universitas Sumatera Utara (USU)



Dr. Lim (UiTM) gembira memberikan lambaian kepada dron yang diterbangkan oleh Hadif





e ISBN 978-967-2776-29-1



9 789672 776291